



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PEKHIDMATAN**

**PANDUAN  
PENDAFTARAN**

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
CBP Secara Umum .....	1
<b>PENDAFTARAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN .....</b>	<b>2</b>
Siapakah yang mesti berdaftar di bawah CBP? .....	2
Apakah pembekalan bercukai?.....	3
Bagaimana untuk menentukan nilai ambang bagi pendaftaran CBP?.....	4
Bagaimana cara untuk menentukan tempoh dua belas bulan? .....	6
<b>TARIKH KUAT KUASA PENDAFTARAN .....</b>	<b>9</b>
<b>CARA UNTUK BERDAFTAR .....</b>	<b>10</b>
<b>TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ORANG BERDAFTAR .....</b>	<b>11</b>
<b>PENDAFTARAN BAGI PEMINDAHAN USAHA BERTERUSAN .....</b>	<b>12</b>
<b>PENDAFTARAN ORANG YANG MEMBUAT PEMBEKALAN BERKADAR SIFAR .....</b>	<b>14</b>
<b>PENDAFTARAN EJEN DAN PRINSIPAL LUAR NEGARA .....</b>	<b>15</b>
<b>PENDAFTARAN SECARA SUKARELA .....</b>	<b>16</b>
<b>PENDAFTARAN PERTUBUHAN ATAU ORGANISASI YANG SERUPA .....</b>	<b>17</b>
<b>WAKIL PERIBADI .....</b>	<b>19</b>
<b>PENDAFTARAN KUMPULAN .....</b>	<b>20</b>
<b>PENDAFTARAN PERKONGSIAN .....</b>	<b>25</b>
<b>USAHA SAMA .....</b>	<b>29</b>
<b>PENDAFTARAN CAWANGAN ATAU BAHAGIAN .....</b>	<b>30</b>
<b>ORANG KENA CUKAI TUNGGAL.....</b>	<b>32</b>
<b>PEMBERHENTIAN TANGGUNGAN UNTUK BERDAFTAR .....</b>	<b>34</b>
<b>PEMBERITAHUAN PEMBERHENTIAN TANGGUNGAN UNTUK BERDAFTAR ..</b>	<b>35</b>
<b>PEMBATALAN PENDAFTARAN .....</b>	<b>36</b>
<b>PENDAFTARAN LEWAT .....</b>	<b>36</b>

<b>JENIS BORANG GST.....</b>	<b>37</b>
<b>MAKLUM BALAS ATAU KOMEN.....</b>	<b>38</b>
<b>MAKLUMAT LANJUT .....</b>	<b>38</b>

## **PENGENALAN**

1. Panduan ini memberi penerangan berhubung keperluan dan prosedur untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP). Adalah dicadangkan bahawa anda membaca Panduan Umum CBP sebelum membaca panduan ini supaya anda lebih memahami konsep CBP secara umum.

### **CBP Secara Umum**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat yang dikenakan ke atas kepenggunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan yang bercukai di Malaysia melainkan yang dikecualikan. CBP juga dikenakan ke atas pengimpotan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat di setiap peringkat pengilangan dan pengedaran oleh pihak perantara. Walaupun cukai dibayar di setiap peringkat pengeluaran dan pengedaran, tetapi cukai tersebut dibayar oleh pengguna terakhir. Oleh itu, CBP tidak merupakan kos kepada pihak perantara dan tidak ditunjukkan sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

4. Di Malaysia, seseorang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX adalah dikenali sebagai "orang berdaftar". Orang berdaftar adalah dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) kepada pelanggannya ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai. Dia dibenarkan membuat tuntutan kredit cukai input bagi CBP (cukai input) yang dibayar ke atas semua pembelian untuk kegunaan perniagaannya. Oleh itu, mekanisme ini dapat mengelakkan cukai dua kali sebab hanya nilai ditambah pada setiap peringkat dikenakan cukai.


## PENDAFTARAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

### Siapakah yang mesti berdaftar di bawah CBP?

5. Mana-mana orang yang menyediakan pembekalan bercukai untuk tujuan perniagaan dan nilai perolehan bercukai (tidak termasuk CBP) bagi pembekalan tersebut untuk suatu tempoh 12 bulan atau kurang yang melebihi nilai ambang RM500,000 adalah dikehendaki berdaftar di bawah CBP.

6. Bagaimanapun, perniagaan yang mempunyai perolehan bercukai RM500,000 dan ke bawah, walaupun tidak dikehendaki berdaftar, boleh memohon untuk berdaftar secara sukarela.


### Carta Aliran Penentuan Keperluan Pendaftaran CBP



## Apakah pembekalan bercukai?

7. Pembekalan bercukai adalah suatu pembekalan yang ada balasan dan ia termasuk pembekalan berkadar standard dan berkadar sifar. Pembekalan tanpa balasan boleh juga disifatkan sebagai suatu pembekalan. Bagaimanapun, bagi tujuan CBP, terdapat juga pembekalan bercukai yang tidak disifatkan sebagai pembekalan. Sila rujuk kepada Panduan CBP atas Pembekalan untuk penerangan lanjut atas berbagai jenis pembekalan.

### Kategori pembekalan bercukai



(Untuk memahami lebih lanjut mengenai “*pembekalan perkhidmatan kepada orang yang mempunyai kaitan*”, sila rujuk kepada para 2, Jadual Ketiga dan para 5, Jadual Pertama Akta CBP tentang definisi “*orang yang mempunyai kaitan*” dan “*pembekalan perkhidmatan kepada orang yang mempunyai kaitan*”).

### **Apakah perolehan bercukai?**

8. Perolehan bercukai bermaksud jumlah nilai semua pembekalan bercukai bagi suatu tempoh dua belas bulan yang tidak termasuk amaun CBP.

### **Bagaimana menentukan perolehan bercukai untuk tujuan pendaftaran CBP?**

9. Penentuan perolehan bercukai untuk tujuan pendaftaran CBP perlu mengambil kira semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai, iaitu pembekalan berkadar standard, berkadar sifar, pembekalan yang disifatkan sebagai pembekalan dan juga pembekalan yang tidak diambil kira.

10. Bagaimanapun, pembekalan bercukai seperti berikut tidak diambil kira dalam pengiraan jumlah perolehan bercukai :

- a) pelupusan harta modal;
- b) perkhidmatan diimport;
- c) pembekalan di bawah Skim Penggudangan;
- d) pembekalan yang dibuat di dalam atau di antara kawasan ditetapkan; dan
- e) pembekalan yang dibuat oleh seorang prinsipal luar negara atau seorang penerima di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan.

### **Contoh 1**

*Syarikat Dickson Sdn. Bhd. membuat pembekalan seperti berikut :*

- a) *pembekalan berkadar standard – RM300,000;*
- b) *pembekalan berkadar sifar – RM250,000;*
- c) *pelupusan harta modal – RM200,000;*
- d) *pembekalan yang dibuat di dalam Langkawi – RM200,000; dan*
- e) *pembekalan yang dibuat kepada anggota dalam kumpulan yang sama – RM100,000*

*Syarikat Dickson Sdn. Bhd. perlu memohon untuk berdaftar kerana jumlah perolehan bercukainya sebanyak RM650,000 telah melebihi nilai ambang, iaitu pembekalan merangkumi (a), (b) dan (e).*

### **Contoh 2**

*Syarikat PD Sdn. Bhd. adalah pembekal barang elektrik. Pembekal ini juga menjalankan kerja-kerja pemasangan dan mengenakan bayaran ke atas perkhidmatan pemasangan tersebut.*

*Pengiraan nilai perolehan bercukai ditentukan berdasarkan jumlah nilai pembekalan barang elektrik dan bayaran ke atas perkhidmatan pemasangan.*

### **Contoh 3**

*Sesebuah bengkel kereta perlu mengambil kira upah kerja dan juga nilai jualan alat ganti dalam menentukan jumlah perolehan bercukai:*

*Jumlah upah kerja – RM 200,000*

*Nilai jualan alat ganti – RM 350,000*

*Bengkel kereta ini perlu memohon berdaftar kerana jumlah perolehan bercukai sebanyak RM 550,000 telah melebihi nilai ambang.*

### **Contoh 4**

*Sebuah syarikat pengangkutan menyediakan perkhidmatan bas ekspres dan bas pelancongan yang merupakan pembekalan dikecualikan daripada CBP dan berkadar standard masing-masing. Penentuan perolehan bercukai hanya perlu mengambil kira pembekalan perkhidmatan bas pelancongan sahaja.*

11. Bagi tujuan pendaftaran CBP, kaedah yang digunakan untuk mengira perolehan bercukai adalah berdasarkan kepada kategori orang, contohnya pemilik tunggal, perkongsian atau syarikat.



**Jadual No. 1**

<b>Kategori Orang</b>	<b>Perolehan Bercukai</b>
Syarikat	semua nilai pembekalan bercukai yang dibuat oleh syarikat tersebut
Syarikat yang mempunyai cawangan atau bahagian	semua nilai pembekalan bercukai dari semua cawangan dan bahagian. (pendaftaran cawangan atau bahagian dibenarkan hanya sekiranya syarikat itu sendiri telah berdaftar, iaitu samada pendaftaran mandatory atau pendaftaran sukarela. Sek 30 memerlukan syarikat itu supaya memenuhi 6 syarat sebelum kelulusan pendaftaran cawangan atau bahagian dibenarkan)
Pemilik tunggal/ perseorangan	semua nilai pembekalan bercukai bagi perniagaannya
Perkongsian	semua nilai pembekalan bercukai bagi perkongsian
Orang kena cukai tunggal	semua nilai pembekalan bercukai bagi semua entiti perniagaan yang didaftarkan sebagai orang kena cukai tunggal
Usaha sama	semua nilai pembekalan bercukai yang dibuat oleh usaha sama
Prinsipal luar negara	semua nilai pembekalan bercukai yang dibuat dalam Malaysia oleh prinsipal luar negara

**Contoh**

Seorang pemilik tunggal mempunyai 2 perniagaan (Perniagaan A dan B). Perolehan bercukai 12 bulan yang lepas bagi perniagaan A adalah RM150,000 dan bagi perniagaan B adalah RM400,000.

Untuk mengira perolehan bercukai bagi tujuan pendaftaran CBP, dia perlu mencampurkan perolehan bercukai bagi Perniagaan A dan Perniagaan B.


$$\begin{array}{l} \text{Perolehan} \\ \text{Bercukai} \end{array} = RM150,000 + RM400,000 = RM550,000$$

Oleh kerana jumlah perolehan bercukainya ialah RM 550,000, maka dia perlu berdaftar di bawah CBP.

**Bagaimana menentukan tempoh dua belas bulan?**

12. Bagi menentukan tempoh dua belas bulan, dua cara digunakan iaitu kaedah kebelakang dan kaedah kedepan. Kaedah kebelakang adalah berdasarkan kepada nilai pembekalan bercukai bagi mana-mana bulan dicampur dengan nilai pembekalan bercukai bagi sebelas bulan kebelakang sebaik sebelum bulan tersebut. Kaedah kebelakang adalah seperti di Diagram 1.


**Diagram 1: Kaedah Kebelakang**



13. Pada akhir bulan Mei 2016, nilai pembekalan bercukai untuk bulan Mei ialah RM100,000 dan nilai pembekalan bercukai bagi sebelas bulan ke belakang (dari Jun 2015 hingga April 2016) adalah RM400,200. Jumlah nilai (pembekalan bercukai tahunan) kesemua pembekalan bercukai ialah RM500,200. Jumlah nilai pembekalan bercukai telah melebihi nilai ambang bermula pada 1 Jun 2016 dan perniagaan ini adalah bertanggung untuk berdaftar di bawah CBP dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh tersebut, iaitu 1 Jun 2016. Tarikh berkuatkuasa pendaftaran CBP adalah pada 1 Julai 2016 (hari pertama bulan berikutnya selepas dua puluh lapan hari bertanggung untuk berdaftar) memandangkan perolehan bercukai tahunannya telah melebihi nilai ambang pada 31 Mei 2016.

14. Bagi kaedah kedepan pula, perolehan bercukai adalah berdasarkan kepada nilai pembekalan bercukai bagi mana-mana bulan dicampur dengan anggaran nilai pembekalan bercukai bagi sebelas bulan sebaik selepas bulan tersebut. Sesuatu perniagaan mempunyai alasan yang munasabah untuk menjangka bahawa perolehan bercukainya akan melebihi nilai ambang sekiranya dia telah menandatangani suatu perjanjian untuk membekal barang bercukai atau perkhidmatan bercukai. Kaedah kedepan adalah seperti di Diagram 2.

**Diagram 2: Kaedah Kedepan**




15. Jika di akhir bulan Jun 2016, nilai pembekalan bercukai bagi bulan Jun adalah RM100,000 dan pembekalannya untuk tempoh sebelas bulan kebelakang (Julai 2015 hingga Mei 2016) tidak mencapai nilai ambang, maka dia perlu mengambil kira anggaran nilai pembekalan dari Julai 2016 hingga Mei 2017. Memandangkan pembekalan bercukai untuk bulan Jun 2016 adalah RM100,000, jika dia mempunyai alasan yang munasabah bahawa jangkaan pembekalannya untuk sebelas bulan ke hadapan (Julai 2016 hingga Mei 2017) akan melebihi RM400,000, maka dia adalah bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah CBP dalam tempoh 28 hari selepas bulan Jun 2016, iaitu dari 1 Julai 2016 hingga 28 Julai 2016. Tarikh berkuatkuasa pendaftaran CBP adalah pada 1 Ogos 2016 (hari pertama bulan berikutnya selepas dua puluh lapan hari bertanggungjawab untuk berdaftar) memandangkan perolehan bercukai tahunannya telah melebihi nilai ambang pada 30 Jun 2016.

Memandangkan tarikh berkuatkuasa pelaksanaan CBP adalah pada 1 April 2015, pendaftaran awal dibenarkan mulai Oktober 2014. Penentuan perolehan bercukai dibuat berdasarkan kepada kaedah kedepan seperti di Diagram 3.

**Diagram 3: Kaedah Kedepan**

**(Pendaftaran sebelum tarikh pelaksanaan CBP : 1 April 2015)**



16. Jika di akhir bulan November 2014, nilai pembekalan bercukai bagi bulan November adalah RM100,000 dan jika dia mempunyai alasan yang munasabah bahawa jangkaan pembekalannya untuk sebelas bulan ke hadapan (Disember 2014

hingga Oktober 2015) akan melebihi RM400,000, maka dia adalah bertanggung untuk berdaftar di bawah CBP dalam tempoh 28 hari selepas bulan November 2014, iaitu dari 1 Disember 2014 hingga 28 Disember 2014. Tarikh berkuatkuasa pendaftaran ialah pada 1 April 2015, iaitu tarikh berkuatkuasa pelaksanaan CBP.

**Buat masa ini perniagaan saya tidak bertanggung untuk berdaftar kerana jumlah perolehan bercukai kurang daripada RM500,000. Adakah saya perlu memohon untuk berdaftar jika perniagaan saya berjaya mendapat kontrak bernilai RM1 juta untuk membekal komputer bagi tempoh satu tahun?**

17. Anda perlu memohon untuk berdaftar kerana anda mempunyai alasan yang munasabah bahawa pembekalan bercukai anda akan melebihi nilai ambang.

**Jumlah pembekalan bercukai bagi 10 bulan untuk Syarikat A telah melebihi RM500,000. Adakah syarikat ini perlu memohon untuk berdaftar sekarang ataupun menunggu sehingga berakhir tempoh dua belas bulan?**

18. Syarikat ini bertanggung untuk berdaftar kerana pembekalan bercukai telah melebihi nilai ambang dan ia tidak perlu menunggu sehingga berakhir tempoh dua belas bulan.

## **TARIKH KUAT KUASA PENDAFTARAN**

19. Tarikh kuat kuasa pendaftaran adalah pada hari pertama bulan berikutnya selepas tamat 28 hari tempoh tanggungan untuk berdaftar.

### ***Contoh 1***

*Jumlah jualan bagi ABC Furniture Sdn. Bhd. telah melebihi RM500,000 pada 15.11.2015. ABC Furniture Sdn. Bhd perlu memohon untuk berdaftar dalam tempoh bermula dari 1.12.2015 hingga 28.12.2015. Tarikh kuat kuasa pendaftaran adalah pada 1.1.2016 dan syarikat ini perlu mengenakan CBP ke atas jualan perabot bermula dari 1.1.2016.*

## **Contoh 2**

*Jumlah perolehan bercukai tahunan sebuah syarikat telah melebihi nilai ambang RM500,000 pada 28.1.2016. Syarikat ini tidak dibenar mengenakan CBP dari tarikh ini kerana dia masih belum berdaftar. Dia menjadi orang berdaftar hanya dari tarikh kuat kuasa pendaftaran CBP dan boleh mengenakan CBP mulai tarikh tersebut. Syarikat ini perlu mengambil tindakan berikut :*

1.2.2016 – 28.2.2016	<i>memohon untuk berdaftar</i>
1.3.2016	<i>mula mengenakan CBP iaitu tarikh kuat kuasa pendaftaran</i>

## **CARA UNTUK BERDAFTAR**

**Perlukah saya mengisi borang semasa membuat permohonan untuk berdaftar?**

20. Anda perlu mengisi borang pendaftaran **GST-01**. Permohonan pendaftaran CBP boleh dibuat mengikut cara berikut:

- a) memohon secara atas talian melalui [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my);
- b) melalui kiosk pendaftaran yang disediakan di pejabat Kastam; atau
- c) permohonan secara manual melalui pos

**Di mana saya boleh mendapatkan borang pendaftaran CBP?**

21. Borang pendaftaran **GST-01** boleh didapati dari pejabat Kastam yang terdekat atau secara atas talian dari laman sesawang CBP, iaitu [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my).

**Perlukah saya menyertakan dokumen sokongan semasa mengemukakan borang pendaftaran GST-01?**

22. Dokumen yang berkaitan dengan perniagaan atau syarikat perlu dikemukakan hanya jika diminta oleh pihak Kastam.

**Adakah pihak Kastam akan mengeluarkan lesen CBP jika permohonan saya diluluskan?**

23. Jika permohonan diluluskan, anda akan menerima surat kelulusan yang menyatakan nombor pendaftaran CBP serta tarikh kuat kuasa pendaftaran. Lesen dalam bentuk *hard copy* tidak akan dikeluarkan.

## **TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR**

**Sebagai seorang yang telah berdaftar, apakah tanggungjawab saya?**

24. Setiap orang berdaftar perlu mematuhi syarat-syarat di bawah perundangan CBP seperti berikut:

- a) mengakaun CBP bagi pembekalan bercukai yang dibuat atau diterima, iaitu cukai output dan cukai input;
- b) menghantar penyata CBP (**GST-03**) dan membayar cukai tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya selepas tempoh bercukai berkenaan;
- c) mengeluarkan invois cukai bagi setiap pembekalan melainkan dibenarkan oleh pihak Kastam;
- d) memberitahu pihak Kastam tentang tarikh penamatan perniagaan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penamatan perniagaan;
- e) memberitahu pihak Kastam jika berlaku pertukaran alamat, aktiviti bercukai, asas perakaunan dan tempoh bercukai; dan
- f) menyimpan rekod yang mencukupi bagi semua transaksi perniagaan yang berkaitan dengan CBP dalam bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris untuk tempoh tujuh tahun.

**Jika saya tidak membuat sebarang jualan dalam sesuatu tempoh bercukai, adakah saya masih perlu mengemukakan penyata CBP?**

25. Jika anda tidak ada sebarang transaksi perniagaan bagi sesuatu tempoh bercukai, anda masih perlu mengemukakan penyata “kosong”, iaitu mengisi ‘0’ pada petak berkenaan.

**Apakah implikasi jika seseorang berdaftar gagal membayar cukai kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan?**

26. Adalah menjadi satu kesalahan jika seorang berdaftar gagal membayar cukai kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, dan apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Apakah penalti sekiranya gagal mengemukakan penyata CBP?**

27. Kegagalan mengemukakan penyata CBP adalah satu kesalahan, dan apabila disabitkan akan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**PENDAFTARAN BAGI PEMINDAHAN USAHA BERTERUSAN**

28. Pemindahan perniagaan sebagai usaha berterusan daripada seorang berdaftar kepada seorang berdaftar yang lain tidak dianggap sebagai suatu pembekalan bagi maksud CBP. Oleh itu, pemindah tidak perlu mengenakan CBP atas harta perniagaan yang dipindah dan kredit cukai input tidak boleh dituntut oleh pihak penerima pindahan. Pemindahan usaha berterusan adalah satu kemudahan yang diberi kepada pemindah dan penerima pindahan untuk mengatasi masalah aliran tunai.

29. Pemindahan perniagaan adalah dianggap sebagai pemindahan usaha berterusan jika :

- (a) pemindah adalah orang kena cukai;

- (b) penerima pindahan mestilah orang kena cukai atau akan menjadi orang kena cukai selepas berlaku pemindahan;
- (c) pemindahan perniagaan mestilah disertai dengan pemindahan harta perniagaan yang akan digunakan untuk meneruskan perniagaan yang sama; dan
- (d) sekiranya hanya sebahagian sahaja perniagaan dipindahkan, maka bahagian perniagaan tersebut perlulah berkeupayaan untuk beroperasi secara berasingan.

30. Penerima pindahan perlu memohon untuk berdaftar dalam masa dua puluh lapan hari dari tarikh pemindahan perniagaan. Penerima pindahan adalah dikehendaki berdaftar sekiranya dia belum lagi berdaftar semasa berlaku pemindahan perniagaan. Jika penerima pindahan telah berdaftar, maka dia tidak perlu lagi memohon pendaftaran baru dan boleh terus menggunakan nombor CBP yang sedia ada untuk mengikrar pembekalan bercukai bagi perniagaan yang dipindah itu dalam penyatannya.

31. Tarikh kuat kuasa pendaftaran pemindahan usaha berterusan adalah pada tarikh pemindahan perniagaan. Pemindah perlulah memohon untuk membatalkan pendaftaran CBP sekiranya dia berhenti membuat pembekalan bercukai atau berhenti berniaga selepas perniagaannya itu dipindahkan.

### **Contoh 1**

*Sebuah perniagaan pemilik tunggal telah dipindahkan kepada Syarikat A pada 1.11.2015. Syarikat A perlu memohon untuk berdaftar dalam masa dua puluh lapan hari dari tarikh pemindahan perniagaan iaitu dari 1.11.2015 hingga 28.11.2015. Tarikh berkuat kuasa pendaftaran bagi Syarikat A adalah pada 1.11.2015.*

### **Contoh 2**

*Merujuk kepada contoh di atas, pemilik tunggal perlu memohon untuk membatalkan pendaftaran CBP jika dia telah berhenti membuat pembekalan bercukai.*



### **Contoh 3**

*Syarikat A memindahkan perniagaannya kepada Syarikat B dimana kedua-dua syarikat adalah berdaftar dengan CBP. Syarikat B tidak perlu memohon untuk membuat pendaftaran baru bagi perniagaan yang dipindahkan dan ia dibenarkan untuk menjalankan kedua-dua perniagaan tersebut menggunakan nombor pendaftaran CBP syarikat B yang sedia ada.*

## **PENDAFTARAN ORANG YANG MEMBUAT PEMBEKALAN BERKADAR SIFAR**

32. Orang yang membuat pembekalan berkadar sifar perlu berdaftar di bawah CBP jika perolehan bercukai tahunan melebihi RM500,000. Bagaimanapun, dia boleh memohon untuk dikecualikan daripada pendaftaran tertakluk kepada kelulusan daripada Ketua Pengarah Kastam. Kesan pengecualian daripada pendaftaran ialah orang yang dikecualikan tersebut tidak boleh membuat tuntutan kredit cukai input atas semua cukai input yang terlibat dalam menjalankan perniagaannya. Rationales ke atas pemberian pengecualian tersebut adalah untuk memberi pilihan kepada orang yang terlibat samada untuk berdaftar atau tidak jika kos pematuhan mungkin melebihi dari faedah ke atas tuntutan cukai kredit.

### **Contoh 1**

*Syarikat A membuat pembekalan berkadar sifar sahaja dan layak memohon untuk dikecualikan dari pendaftaran. Untuk memohon pengecualian, syarikat ini perlu melengkapkan borang **GST-Adm3** – “Permohonan Pengecualian Pendaftaran Cukai Barang dan Perkhidmatan”.*

### **Contoh 2**

*Merujuk kepada contoh di atas, jika syarikat A diberikan pengecualian dari pendaftaran CBP, maka ia tidak layak menuntut cukai kredit yang terlibat ke atas pembelian barang dan perkhidmatan untuk perniagaannya.*

## PENDAFTARAN EJEN DAN PRINSIPAL LUAR NEGARA

33. Prinsipal luar negara yang membuat pembekalan bercukai di Malaysia adalah dibenarkan membuat permohonan pendaftaran CBP dengan syarat dia melantik seorang ejen tempatan untuk mewakilinya dalam semua perkara mengenai CBP. Ejen yang dilantik tersebut, samada dia ialah orang bercukai atau sebaliknya, adalah bertanggung atas cukai bagi prinsipal luar negara itu. Pendaftaran prinsipal luar negara adalah di bawah nama prinsipal luar negara berkenaan.

34. Pendaftaran seorang ejen adalah seperti berikut:

**Jadual No. 2**

<b>Keadaan</b>	<b>Penentuan Perolehan Bercukai</b>	<b>Tanggungjawab untuk Berdaftar</b>
1. Ejen bertindak bagi pihak dirinya	Nilai pembekalan bercukai yang dibuat oleh ejen (termasuk komisen yang diterima oleh ejen)	Berdaftar jika melebihi nilai ambang
2. Ejen bertindak bagi pihak prinsipal tempatan	Komisen yang diterima oleh ejen [nilai pembekalan bercukai bagi pihak prinsipal tempatan tidak diambil kira]	Berdaftar jika melebihi nilai ambang
3. Ejen bertindak bagi pihak dirinya dan bagi pihak prinsipal tempatan	Nilai pembekalan bercukai ejen yang dibuat atas namanya <b>dan</b> komisen yang diterima oleh ejen (nilai pembekalan bercukai bagi pihak prinsipal tempatan tidak diambil kira)	Berdaftar jika melebihi nilai ambang
4. Ejen bertindak bagi pihak prinsipal luar negara	<b><u>Situasi 1</u></b> Nilai pembekalan bercukai ejen yang dibuat atas namanya <b>dan</b> komisen yang diterima oleh ejen [nilai pembekalan bercukai bagi pihak prinsipal luar negara tidak diambil kira]  <b><u>Situasi 2</u></b> Nilai pembekalan bercukai yang dibuat atas namanya di bawah nilai ambang tetapi nilai pembekalan bercukai di Malaysia yang dibuat oleh prinsipal luar negara melebihi nilai ambang	<b><u>Situasi 1</u></b> Berdaftar jika melebihi nilai ambang  <b><u>Situasi 2</u></b> Ejen perlu berdaftar bagi pihak prinsipal luar negara. Tanggungan CBP bagi prinsipal luar negara ditanggung oleh ejen.

Keadaan	Penentuan Perolehan Bercukai	Tanggungjawab untuk Berdaftar
	<u>Situasi 3</u> Nilai pembekalan bercukai yang dibuat atas namanya melebihi nilai ambang dan nilai pembekalan bercukai di Malaysia yang dibuat oleh prinsipal luar negara juga melebihi nilai ambang.	<u>Situasi 3</u> Ejen perlu berdaftar atas namanya dan juga berdaftar bagi pihak prinsipal luar negara.

(Untuk penerangan lanjut berkenaan ejen, sila rujuk kepada Panduan CBP bagi Ejen )

## PENDAFTARAN SECARA SUKARELA

35. Seseorang boleh memohon untuk berdaftar secara sukarela walaupun nilai pembekalan bercukai tidak melebihi nilai ambang RM500,000. Seseorang yang bercadang untuk membuat pembekalan bercukai boleh juga didaftarkan jika pihak Kastam berpuas hati bahawa dia komited untuk menjalankan perniagaan dengan mengemukakan dokumen berikut:

- a) butir-butir perniagaan seperti pelan perniagaan, kilang dan lokasi;
- b) salinan kontrak penubuhan premis seperti sewaan bangunan, pembinaan saluran pipe dan pembelian peralatan;
- c) butir-butir patent;
- d) butir-butir perolehan perniagaan; atau
- e) bukti dokumen yang lain.

36. Seseorang yang hanya membuat pembekalan dikecualikan tidak dibenarkan berdaftar secara sukarela di bawah CBP. Sekiranya dia hanya membuat pembekalan diluar skop, dia boleh dibenarkan mendaftarkan tertakluk kepada kelulusan Kastam. Seseorang yang berdaftar secara sukarela hendaklah kekal berdaftar bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun.

37. Oleh kerana seseorang yang berdaftar secara sukarela perlu kekal berdaftar bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun, adalah dinasihatkan supaya satu

analisa kos dan faedah dibuat sebelum mendaftar dengan CBP. Faktor-faktor yang perlu di ambil perhatian adalah seperti berikut:

- (a) perniagaan yang berdaftar dengan CBP perlu mematuhi tanggungjawab tertentu yang mungkin akan meningkatkan kos pentadbiran, contohnya mengisi penyata CBP, membayar cukai dalam masa yang ditetapkan untuk mengelak dari melakukan kesalahan, dan menyimpan rekod-rekod perniagaan dan akaun;
- (b) memberi latihan kepada pekerja untuk memastikan pengenaan dan tuntutan CBP yang betul;
- (c) pertukaran harga yang dipamer dan inbois bagi menunjukkan harga termasuk cukai. Semua harga yang dipamer, pengiklanan, pengeluaran atau sebutan harga yang berkaitan dengan barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada orang awam hendaklah termasuk elemen CBP. Oleh itu, perniagaan mungkin perlu menanggung kos untuk mencetak semula harga yang dipamerkan dan invois cukai; dan
- (d) untuk memastikan status pembekal, iaitu samada berdaftar dengan CBP atau tidak. Jika pembekal berdaftar dengan CBP, perniagaan akan mendapat manfaat daripada pendaftaran CBP kerana ia akan dapat menuntut CBP yang terlibat ke atas pembelian barang dan perkhidmatan. Bagaimanapun, jika pembekal tidak berdaftar dengan CBP, perniagaan tidak boleh menuntut sebarang CBP kerana pembekal tidak mengenakan CBP.

## **PENDAFTARAN PERTUBUHAN ATAU ORGANISASI YANG SERUPA**

38. Pertubuhan atau organisasi yang serupa merujuk kepada mana-mana organisasi yang beroperasi sebagai sebuah kelab tanpa mengira samada ia didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat, Pendaftar Pertubuhan, Pesuruhjaya Sukan atau mana-mana Akta Parlimen.

39. Organisasi yang beroperasi sebagai sebuah kelab boleh terdiri daripada organisasi berkepentingan awam, organisasi bukan berorientasikan keuntungan

atau mana-mana organisasi yang diwartakan di bawah Kementerian yang berkaitan. Contoh pertubuhan atau organisasi yang serupa adalah kesatuan sekerja, persatuan profesional, persatuan perdagangan dan kelab rekreasi.

40. Pertubuhan atau organisasi yang serupa dikehendaki berdaftar jika pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan melebihi nilai ambang yang ditetapkan.

**Jadual No. 3**

<b>Orang</b>	<b>Pembekalan</b>	<b>Tanggungan</b>
Pertubuhan atau organisasi yang serupa	pembekalan barang dan perkhidmatan bagi tujuan perniagaan	mendaftar jika nilai perolehan bercukai melebihi nilai ambang

(Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada Panduan CBP Pertubuhan atau Organisasi yang Serupa)

**Sebuah pusat pemulihan menjual barang-barang cenderamata dan bakul rotan yang dibuat oleh penghuninya. Perlukah pusat ini berdaftar di bawah CBP?**

41. Ia perlu berdaftar jika nilai jualan bercukai tahunan melebihi RM500,000 .

**Sebuah pertubuhan bukan berorientasikan keuntungan menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi untuk masyarakat secara percuma. Adakah ia perlu berdaftar dengan CBP?**

42. Pembekalan kemudahan sukan dan rekreasi adalah merupakan pembekalan bercukai di bawah CBP dan organisasi terlibat perlu berdaftar dengan CBP jika perolehan bercukai tahunannya melebihi nilai ambang yang ditetapkan. Bagaimanapun, jika kemudahan tersebut disediakan secara percuma, CBP tidak perlu dikenakan dan ia tidak perlu mendaftar.

**Muzium Kesenian, sebuah pertubuhan bukan keuntungan, mengenakan bayaran untuk masuk ke premisnya. Muzium ini juga menjana pendapatan daripada menjual hadiah, cenderahati dan sewaan kedai-kedai makan. Adakah muzium ini perlu didaftarkan?**

43. Untuk menentukan samada muzium ini dikehendaki berdaftar, ia perlu mengambil kira semua pembekalan bercukai iaitu yuran kemasukan, jualan hadiah dan cenderahati dan pendapatan dari sewaan dalam pengiraan perolehan tahunan. Jika perolehan tahunan melebihi RM500,000, maka ia perlu memohon untuk berdaftar.

## **WAKIL PERIBADI**

44. Wakil peribadi ialah seorang yang telah dilantik untuk menjalankan sesuatu aktiviti perniagaan bagi pihak orang kena cukai apabila dia meninggal dunia, berada di bawah likuidasi atau penerimaan, menjadi bankrap atau tidak berupaya. Wakil peribadi tidak perlu berdaftar semula di bawah CBP tetapi dia perlu memberitahu secara bertulis kepada pihak Kastam dalam tempoh dua puluh satu hari daripada tarikh dia dilantik sebagai wakil peribadi. Seorang wakil peribadi tersebut mungkin dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti sijil kematian, surat likuidasi atau penerimaan, arahan bankrapsi daripada mahkamah, atau surat pengesahan hospital. Contoh wakil peribadi adalah seperti berikut:

### ***Contoh 1***

Ali, seorang pemilik tunggal telah melantik adiknya Ahmad untuk menguruskan perniagaan bagi pihaknya semasa beliau beransur sembuh daripada penyakit. Ahmad perlu memaklumkan secara bertulis kepada pihak Kastam mengenai perlantikannya serta keadaan Ali dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh dia dilantik untuk menguruskan perniagaan tersebut. Surat dari hospital yang merawat Ali diperlukan untuk menyokong perlantikan Ahmad sebagai wakil peribadi.

### ***Contoh 2***

Encik Samy dan Encik Singh dari sebuah firma perakaunan telah dilantik sebagai penerima untuk syarikat A. Kedua-dua orang penerima ini akan bertindak sebagai wakil peribadi kepada syarikat A sehingga orang lain didaftarkan untuk menguruskan perniagaan tersebut.


## PENDAFTARAN KUMPULAN

45. Pendaftaran kumpulan ialah satu kemudahan yang membenarkan dua atau lebih syarikat yang berkaitan antara satu sama lain untuk berdaftar sebagai satu kumpulan bagi maksud CBP. Syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi pendaftaran secara kumpulan adalah :

- (a) setiap syarikat hendaklah hanya membuat pembekalan bercukai sahaja. Bagaimanapun, jika sesebuah syarikat membuat pembekalan dikecualikan secara sampingan, syarikat tersebut juga dibenarkan menjadi anggota kumpulan ( Sila rujuk Panduan Umum CBP untuk keterangan lanjut ke atas pembekalan dikecualikan secara sampingan);
- (b) setiap syarikat mestilah berdaftar di bawah CBP terlebih dahulu sebelum berdaftar sebagai satu kumpulan;
- (c) syarikat yang mempunyai pegangan saham melebihi 50% dianggap mempunyai kuasa mengawal ke atas syarikat- syarikat yang lain; dan
- (d) semua anggota kumpulan mestilah sama-sama bertanggungjawab ke atas pembayaran cukai.


46. Bagi maksud pendaftaran kumpulan, sesebuah syarikat dianggap mempunyai kawalan ke atas syarikat lain samada secara langsung atau tidak langsung menerusi syarikat subsidiari dengan memegang lebih daripada 50% modal saham terbitan syarikat lain.

### Contoh 1




*XYZ Bhd mempunyai kawalan langsung ke atas A dan B, dan juga mengawal D secara tidak langsung melalui B. Syarikat XYZ, A, B dan D boleh mendaftar dengan CBP sebagai satu kumpulan. Oleh kerana C tidak dikawal oleh XYZ, maka ia tidak layak sebagai anggota kumpulan.*

**Contoh 2**



*Syarikat A mempunyai kawalan langsung ke atas syarikat B (80%) tetapi ia tidak mempunyai kawalan ke atas syarikat C (48%). Bagi maksud pendaftaran CBP, syarikat A dan B boleh membentuk satu kumpulan tetapi syarikat C tidak layak menjadi anggota kumpulan.*

**Contoh 3**



*Dalam contoh ini, syarikat X mempunyai kawalan secara langsung ke atas syarikat Y (90%) dan kawalan tidak langsung ke atas syarikat Z (54%). Bagi*




*maksud pendaftaran CBP, syarikat X, Y dan Z boleh membentuk satu kumpulan.*

47. Bayaran antara syarikat ke atas pembekalan di antara anggota kumpulan tidak akan diambil kira. Bagaimanapun, pembekalan dari mana-mana anggota satu kumpulan kepada syarikat-syarikat yang bukan anggota kumpulan tersebut dianggap sebagai satu pembekalan bagi maksud CBP dan tertakluk kepada CBP.

48. Pendaftaran kumpulan dibenarkan tanpa mengambil kira jenis pembekalan bercukai yang dibuat oleh syarikat dalam kumpulan yang sama dengan syarat syarikat hanya membuat pembekalan bercukai.


### **Contoh 1**



*Syarikat JM, A, B dan C layak memohon berdaftar sebagai kumpulan walaupun mereka menjalankan aktiviti perniagaan yang berbagai asalkan memenuhi syarat-syarat berikut:*

- (a) membuat pembekalan bercukai sepenuhnya;*
- (b) setiap syarikat berdaftar di bawah CBP; dan*
- (c) syarikat pengawal (JM Bhd) menguasai melebihi 50% daripada modal saham terbitan bagi setiap satu syarikat dalam kumpulan tersebut.*


**Contoh 2**



*Bagi contoh ini, syarikat B tidak layak menjadi anggota kumpulan dengan XYZ dan A sebab XYZ tidak ada kawalan ke atas B. Bagaimanapun, oleh kerana B ada kawalan ke atas C, D dan E, mereka adalah layak berdaftar secara kumpulan bagi tujuan CBP.*


49. Individu atau perkongsian tidak layak menjadi anggota sesuatu kumpulan. Bagaimanapun, syarikat yang dikawal oleh individu atau perkongsian boleh berdaftar sebagai kumpulan.

**Contoh 1**



*Ali bin Ahmad memiliki tiga buah syarikat A, B dan C. A, B dan C adalah dibenarkan berdaftar secara kumpulan. Ali bin Ahmad tidak layak menjadi anggota kumpulan tersebut.*


**Contoh 2**



*Syarikat C dan D layak berdaftar secara kumpulan bagi tujuan CBP. Sebagai perniagaan perkongsian, A & B Enterprise adalah tidak dibenarkan menjadi anggota kepada kumpulan tersebut.*


50. Syarikat-syarikat asing yang tidak ditubuhkan di Malaysia tidak boleh menjadi anggota kumpulan. Bagaimanapun, bagi maksud kelayakan untuk pendaftaran kumpulan, subsidiari atau cawangan-cawanganya yang didaftarkan di Malaysia boleh dipertimbangkan sebagai anggota kumpulan.

**Contoh 1**



*Syarikat M, B dan C boleh menubuhkan kumpulan bagi tujuan pendaftaran CBP. Bagaimanapun, A dan D tidak boleh menjadi anggota kumpulan kerana kedua-duanya adalah syarikat asing.*

**Contoh 2**



*Dickson Oil Co.(UK) Ltd. mempunyai tiga syarikat di Malaysia. Bagi tujuan pendaftaran CBP , hanya A, B dan C dibenarkan berdaftar sebagai sebuah kumpulan. Dickson Oil Co.(UK) Ltd. tidak layak menjadi anggota kumpulan kerana ia adalah syarikat asing.*

51. Syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia adalah dibenarkan untuk menjadi anggota kumpulan walaupun mereka membuat pembekalan bercukai di luar Malaysia.

**Contoh**

*Pengeluar bahagian kenderaan motor di Jepun telah menubuhkan ibu pejabat operasi di Malaysia (OHQ). Peralatan yang dikeluarkan dibekalkan kepada pemasang kenderaan di Thailand dan India terus dari Jepun. Ibu pejabat operasi boleh menjadi anggota kepada kumpulan syarikat-syarikat di Malaysia.*

**PENDAFTARAN PERKONGSIAN**


52. Pendaftaran sesuatu perkongsian untuk tujuan perniagaan hendaklah atas nama firma berkenaan. Orang yang sama boleh menubuhkan beberapa perkongsian untuk perniagaan yang berlainan dan pendaftaran bagi perkongsian berkenaan adalah atas nama firma masing-masing.

53. Pengiraan perolehan bercukai untuk menentukan samada perniagaan perkongsian perlu berdaftar di bawah CBP atau sebaliknya adalah berdasarkan kepada semua nilai pembekalan bercukai bagi perkongsian berkenaan.

54. Pengiraan perolehan bercukai bagi perniagaan perkongsian bergantung kepada keadaan berikut:

<b>No</b>	<b>Rakan kongsi</b>	<b>Firma</b>	<b>Perniagaan</b>	<b>Perolehan bercukai</b>
1.	Orang yang sama	Nama yang sama	Perniagaan yang sama	Mencampurkan perolehan semua perniagaan perkongsian
2.	Orang yang sama	Nama yang sama	Perniagaan berlainan	Mencampurkan perolehan semua perniagaan perkongsian
3.	Orang yang sama	Nama berasingan	Perniagaan berlainan	Setiap perniagaan perkongsian mengira perolehan sendiri

### **Contoh 1**




*Encik Ali and Encik Ahmad mempunyai dua perniagaan perkongsian restoran yang beroperasi di PJ dan KL. Perolehan bercukai restoran di PJ adalah RM300,000 dan perolehan bercukai restoran di KL adalah RM250,000.*

Untuk mengira perolehan bercukai bagi tujuan pendaftaran CBP, Ali dan Ahmad perlu mencampurkan perolehan bercukai bagi kedua-dua perniagaan yang berjumlah RM550,000.

Oleh kerana perolehan bercukai yang digabungkan telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan, maka perkongsian ini akan didaftarkan di bawah satu nombor pendaftaran.

### Contoh 2




Chong dan Cindy mempunyai dua perniagaan perkongsian, C & C Partners yang mengendalikan kedai dobi dan sebuah butik. Perolehan bercukai perniagaan dobi adalah RM250,000 dan butik adalah RM700,000.

Perolehan bercukai bagi kedua-dua perniagaan perkongsian perlu digabungkan untuk menentukan tanggungan bagi pendaftaran CBP.

Oleh kerana perolehan bercukai yang digabungkan sebanyak RM950,000 telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan, maka kedua-dua perniagaan perkongsian ini akan didaftarkan di bawah satu nombor pendaftaran.


### Contoh 3



Mary dan Peter adalah rakan kongsi dan mempunyai dua perniagaan perkongsian iaitu Perunding A (perkhidmatan perundangan) dan Arkitek B (perkhidmatan arkitek). Perolehan bercukai Perunding A adalah sebanyak RM700,000 dan Arkitek B adalah sebanyak RM600,000. Kedua-dua perkongsian menjalankan perniagaan yang berbeza dan beroperasi di bawah nama yang berasingan. Dalam kes ini, pengiraan perolehan bercukai bagi tujuan pendaftaran akan dilakukan secara berasingan

Oleh kerana kedua-dua perkongsian telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan, maka mereka akan didaftarkan di bawah dua nombor pendaftaran yang berbeza.

### Contoh 4



*Ali dan Samy adalah rakan kongsi sebuah firma perakaunan. Ali juga mempunyai satu lagi perniagaan perkongsian dengan Chong.*

*Bagi maksud pendaftaran CBP, Ali perlu mengira perolehan bercukai bagi dua perniagaan perkongsian secara berasingan. Dalam contoh ini, Perniagaan A tidak perlu didaftarkan. Bagaimanapun, Perniagaan B adalah bertanggung untuk memohon pendaftaran kerana perolehan bercukainya telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan.*

55. Seseorang rakan kongsi yang telah berhenti menjadi rakan kongsi kepada sesuatu perkongsian perlu memaklumkan kepada Ketua Pengarah Kastam secara bertulis, dan dia juga bertanggung ke atas semua cukai yang perlu dibayar sehingga tarikh dia bukan lagi menjadi rakan kongsi.

## **USAHA SAMA**

56. Pendaftaran usaha sama bagi maksud CBP hanya terpakai kepada aktiviti petroleum hulu di bawah Kontrak Perkongsian Produk (PSC).

57. Aktiviti hulu termasuk penerokaan, eksploitasi, pembangunan dan pengeluaran minyak mentah dan gas. Aktiviti ini diuruskan melalui PSC antara PETRONAS dan beberapa syarikat minyak dan gas antarabangsa serta dengan anak syarikatnya, PETRONAS Carigali Sdn.Bhd.

58. Kewujudan PSC dianggap sebagai satu usaha sama bagi tujuan CBP, dan setiap kontraktor PSC dikenali sebagai pengusaha, manakala pengendali kepada usaha sama ini dikenali sebagai pengendali usahasama.

59. PSC memerlukan kontraktor supaya membuat Perjanjian Operasi Bersama (JOA) yang memperuntukkan hak-hak, kewajipan dan tanggungan setiap kontraktor di bawah PSC.

60. Semua pengusaha mesti didaftarkan secara individu sebelum pendaftaran usaha sama boleh dipertimbangkan.



61. Permohonan untuk mendaftarkan usaha sama hendaklah dibuat menggunakan borang **GST-02** dan **GST-02A**, dan permohonan hendaklah dibuat tidak kurang daripada sembilan puluh hari sebelum bermulanya operasi usaha sama itu.

62. Dalam permohonan tersebut, setiap pengusaha mesti menamakan salah satu pengusaha atau melantik sebuah syarikat operasi bersama (JOC) untuk menjadi pengendali usahasama. Bagi maksud CBP, JOC akan dianggap sebagai orang kena cukai. Pendaftaran usaha sama itu hendaklah di atas nama pengendali usahasama atau JOC dan pengendali usahasama atau JOC hendaklah menyenggara akaun yang berasingan bagi usaha sama itu. Jika terdapat sebarang perubahan dalam usaha sama contoh kemasukan atau penyingkiran mana-mana pengusaha, pengendali usahasama mesti memaklumkan dalam borang yang ditetapkan tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh perubahan tersebut.

## **PENDAFTARAN CAWANGAN ATAU BAHAGIAN**

63. Perniagaan yang beroperasi melalui cawangan atau bahagian perlu mencampurkan jumlah pembekalan bercukai bagi semua cawangan dan bahagian untuk menentukan samada ia bertanggung untuk didaftarkan.

64. Apabila didaftarkan, semua cawangan dan bahagian perlu mengenakan dan mengakaunkan CBP walaupun satu daripada cawangan atau bahagian tidak melebihi nilai ambang.


65. Orang berdaftar yang mempunyai cawangan atau bahagian boleh memohon untuk berdaftar berasingan atas nama cawangan atau bahagian masing-masing. Pendaftaran cawangan atau bahagian boleh dipertimbangkan jika:

- (a) orang berdaftar tersebut dan semua cawangan atau bahagian membuat pembekalan bercukai sepenuhnya;
- (b) orang bercukai tersebut bukan anggota kepada sesuatu kumpulan;
- (c) kesulitan untuk mengemukakan penyata tunggal untuk semua cawangan dan bahagian;

- (d) setiap cawangan atau bahagian menyimpan akaun yang berasingan;
- (e) cawangan atau bahagian itu boleh dikenali secara berasingan dengan merujuk kepada jenis perniagaan atau lokasi; dan
- (f) setiap cawangan atau bahagian yang berdaftar mempunyai tempoh bercukai yang sama.

66. Permohonan pendaftaran cawangan atau bahagian mesti dibuat oleh orang berdaftar dengan melengkapkan borang **GST-B**.

**Contoh**



*Untuk menentukan perolehan bercukai bagi tujuan pendaftaran CBP, ABC Elektrik Sdn. Bhd perlu mencampurkan perolehan bercukai bagi semua cawangan.*

*Jumlah perolehan bercukai:*

$$RM350,000 + RM150,000 + RM200,000 + RM250,000 + RM100,000 = RM1,050,000$$

*Oleh kerana jumlah keseluruhan perolehan bercukai RM1,050,000 telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan, maka ABC Elektrik Sdn. Bhd. perlu memohon untuk berdaftar di bawah CBP.*

67. Cawangan atau bahagian yang berdaftar secara berasingan akan diberi nombor pendaftaran CBP secara individu. Cawangan atau bahagian berkenaan dikehendaki mengemukakan penyata CBP dan membayar cukai secara berasingan

kepada pihak Kastam. Invois cukai CBP akan dikeluarkan oleh cawangan atau bahagian masing-masing. Bagaimanapun, ibu pejabat syarikat masih bertanggungjawab ke atas sebarang cukai yang perlu dibayar oleh cawangan atau bahagian yang berdaftar secara berasingan.

## **ORANG KENA CUKAI TUNGGAL**

68. Orang kena cukai tunggal ialah dua atau lebih entiti perniagaan yang diarah oleh Ketua Pengarah Kastam supaya didaftarkan di bawah satu nombor pendaftaran. Dua atau lebih entiti perniagaan boleh diklasifikasikan sebagai orang kena cukai tunggal jika mereka mengasingkan aktiviti perniagaan secara dibuat-buat bertujuan untuk mengelakkan daripada cukai. Penentuan pengasingan aktiviti perniagaan yang dibuat-buat adalah berdasarkan kepada :

- (a) hubungan kewangan;
- (b) hubungan ekonomi; dan
- (c) hubungan organisasi.

Hubungan kewangan merujuk kepada:

- i. sokongan kewangan yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain;
- ii. kewangan satu pihak tidak berdaya maju tanpa sokongan pihak yang lain; atau
- iii. kepentingan kewangan yang sama dalam menjalankan perniagaan.

Hubungan ekonomi merujuk kepada:

- i. berusaha untuk mencapai objektif ekonomi yang sama;
- ii. aktiviti satu pihak memberi manfaat kepada pihak lain; atau
- iii. pembekalan dibuat kepada pelanggan yang sama.

Hubungan organisasi merujuk kepada:

- i. pengurusan yang sama;
- ii. pekerja yang sama;

- iii. premis yang sama; atau
- iv. peralatan yang sama.

69. Setiap orang yang diarahkan oleh Ketua Pengarah untuk mendaftar sebagai orang kena cukai tunggal perlu mencalonkan nama yang akan digunakan untuk pendaftaran dalam tempoh empat belas hari dari tarikh arahan itu. Sekiranya gagal berbuat demikian, pendaftaran akan dinamakan seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.

70. Tarikh kuat kuasa bagi pendaftaran orang kena cukai tunggal adalah tarikh seperti yang dinyatakan dalam arahan tersebut.


### **Contoh**

*X menjalankan perniagaan restoran dan menjual makanan sahaja, manakala Y pula menjual minuman. Kedua-dua perniagaan berkongsi premis yang sama, menggaji pekerja yang sama dan memberi perkhidmatan kepada pelanggan yang sama. Nilai jualan tahunan makanan adalah sebanyak RM400,000 dan nilai jualan minuman pula sebanyak RM150,000.*

*Dalam contoh ini, kedua-dua perniagaan tidak perlu didaftarkan kerana perolehan bercukai tahunan mereka adalah di bawah nilai ambang yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa aktiviti perniagaan X dan Y dengan sengaja dipisahkan untuk mengelakkan daripada keperluan untuk didaftarkan. Kedua-dua perniagaan memenuhi keperluan untuk didaftarkan sebagai orang kena cukai tunggal kerana hubungan kewangan, ekonomi dan organisasi seperti berkongsi premis yang sama, mempunyai pelanggan yang sama, mengambil pekerja yang sama dan menggunakan kemudahan bersama seperti kerusi, meja, telefon dan utiliti. Oleh itu, Kastam akan mengarahkan X dan Y supaya didaftarkan di bawah satu nombor pendaftaran.*

71. Dua atau lebih perniagaan perkongsian dengan komposisi rakan kongsi yang sama mungkin boleh diarahkan supaya berdaftar sebagai orang kena cukai tunggal jika ada bukti yang menunjukkan bahawa ada hubungan dari segi kewangan, ekonomi dan organisasi di antara perkongsian tersebut.

### Contoh



*Encik Samy dan Encik Muthu mempunyai dua perniagaan perkongsian menyediakan perkhidmatan guaman. Perolehan bercukai Firma guaman A adalah sebanyak RM450,000 dan perolehan bercukai firma guaman B adalah sebanyak RM400,000.*

*Bagi contoh ini, jika dibuktikan bahawa terdapat hubungan kewangan, ekonomi dan organisasi di antara dua syarikat guaman ini, maka kedua-dua perniagaan perkongsian ini akan diarahkan supaya berdaftar sebagai orang kena cukai tunggal kerana jumlah perolehan RM850,000 telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan.*

## PEMBERHENTIAN TANGGUNGAN UNTUK BERDAFTAR

72. Tanggungan untuk berdaftar dengan CBP akan terhenti apabila seseorang:
- berhenti membuat pembekalan bercukai; atau
  - berhenti berniat untuk membuat pembekalan bercukai; atau
  - berhenti membuat atau berhenti berniat untuk membuat pembekalan di luar Malaysia yang mana jika pembekalan itu dibuat di Malaysia ianya adalah pembekalan bercukai; atau
  - nilai pembekalan bercukai bagi tempoh dua belas bulan berikutnya tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan, iaitu perolehan bercukai

bagi dua belas bulan berikutnya tidak akan melebihi nilai ambang pendaftaran.

73. Untuk menentukan samada perolehan bercukai bagi dua belas bulan berikutnya akan melebihi nilai ambang pendaftaran atau tidak, orang berdaftar juga perlu menentukan jumlah perolehan bercukai bagi dua belas bulan sebelumnya.

**Contoh**

*ABC Enterprise adalah sebuah syarikat yang berdaftar dengan CBP menyediakan perkhidmatan pembersihan. Ia telah berhenti berniaga kerana masalah kewangan. Oleh itu, tanggungan untuk menjadi orang berdaftar telah terhenti.*

74. Orang kena cukai masih lagi bertanggung untuk berdaftar walaupun perolehan bercukai tahunan untuk dua belas bulan berikutnya dijangkakan tidak akan melebihi nilai ambang jika dalam tempoh dua belas bulan tersebut dia berhenti membuat pembekalan bercukai bagi tempoh tiga puluh hari atau lebih.

**Contoh**

*Jumlah perolehan bercukai bagi sebuah pusat karaoke adalah RM350,000 bagi tempoh dua belas bulan lepas berakhir Mac 2016. Pusat karaoke ini telah memberhentikan perniagaannya buat sementara waktu selama dua bulan mulai Julai 2016 hingga Ogos 2016 selama 62 hari untuk menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian dan menjangkakan perolehan bercukai untuk dua belas bulan berikutnya iaitu April 2016 hingga Mac 2017 sebanyak RM450,000. Dalam kes ini, karaoke tersebut masih kena didaftarkan dan ia tidak boleh memohon untuk membatalkan pendaftaran CBP.*

**PEMBERITAHUAN PEMBERHENTIAN TANGGUNGAN UNTUK BERDAFTAR**

75. Orang berdaftar yang telah berhenti berniaga atau berhenti membuat pembekalan bercukai perlu memaklumkan kepada Kastam dalam masa tiga puluh hari dari tarikh berlakunya perkara tersebut.

76. Orang berdaftar yang telah memaklumkan berkenaan pemberhentian tanggungannya untuk berdaftar masih lagi bertanggungjawab sebagai orang berdaftar, iaitu mengenakan CBP dan menghantar penyata CBP sehingga tarikh berkuatkuasanya kelulusan pembatalan pendaftaran CBPnya.

## **PEMBATALAN PENDAFTARAN**

77. Orang berdaftar boleh memohon untuk membatalkan pendaftarannya jika tanggungan untuk dia berdaftar telah berhenti. Pendaftaran mana-mana orang boleh juga dibatalkan oleh Kastam jika didapati bahawa orang berkenaan tidak bertanggung atau tidak layak untuk berdaftar.

78. Permohonan untuk pembatalan boleh dibuat dengan melengkapkan borang **GST-Adm4** dan menyerahkan secara atas talian atau secara manual mengikut cara berikut:

- a) memohon secara atas talian melalui [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my);
- b) melalui kiosk pendaftaran yang disediakan di pejabat Kastam; atau
- c) permohonan secara manual melalui pos

79. Kelulusan dan tarikh kuat kuasa pembatalan akan dimaklumkan kepada orang berdaftar berkenaan.

## **PENDAFTARAN LEWAT**

80. Seseorang yang bertanggung untuk berdaftar tetapi tidak berbuat demikian perlu segera memohon untuk berdaftar. Tarikh berkuat kuasa pendaftaran adalah pada tarikh seseorang itu memohon untuk berdaftar.

### ***Contoh***

*Perolehan bercukai tahunan Syarikat A telah melebihi nilai ambang pada 15 Mei 2018. Syarikat ini perlu memohon untuk berdaftar dalam tempoh dua puluh lapan hari mulai 1 Jun 2018 hingga 28 Jun 2018, dan ia sepatutnya telah didaftarkan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2018. Walau*

*bagaimanapun, permohonan untuk pendaftaran CBP dilakukan hanya pada 1 September 2018. Bagi contoh ini, tarikh kuat kuasa pendaftaran bagi Syarikat A adalah pada 1 September 2018.*

81. Orang kena cukai yang lewat mengemukakan permohonan pendaftaran akan dikenakan penalti pendaftaran lewat bermula dari tarikh sepatutnya dia didaftarkan sehingga tarikh satu hari sebaik sebelum dia didaftarkan, dan tempoh ini dirujuk sebagai tempoh lewat berdaftar.

82. Orang berdaftar lewat perlu mengemukakan penyata cukai mengikut tempoh bercukai yang diperuntukkan kepada dia, iaitu setiap bulan atau setiap tiga bulan. Tempoh bercukai yang pertama bermula daripada tarikh sepatutnya dia menjadi orang berdaftar CBP.

83. Seseorang yang gagal mendaftar akan dikenakan penalti pendaftaran lewat bagi suatu amaun tidak kurang daripada satu ribu lima ratus ringgit (RM1,500.00) bagi suatu tempoh dalam masa tiga puluh hari dan tidak melebihi dua puluh ribu ringgit (RM20,000.00) bagi suatu tempoh melebihi tiga ratus enam puluh hari.

#### **JENIS BORANG-BORANG GST**

84. Borang-borang berikut adalah untuk kegunaan pendaftaran CBP:

- (a) **GST-01** Permohonan pendaftaran cukai barang dan perkhidmatan
- (b) **GST-02** Permohonan pendaftaran kumpulan/usaha sama
- (c) **GST-02A** Pendaftaran anggota kumpulan/usaha sama
- (d) **GST - B** Pendaftaran cawangan atau bahagian
- (e) **GST-Adm3** Permohonan pengecualian pendaftaran cukai barang dan perkhidmatan
- (f) **GST-Adm4** Permohonan pembatalan pendaftaran/skim khas cukai barang dan perkhidmatan



## **MAKLUM BALAS ATAU KOMEN**

85. Sebarang maklum balas atau komen amatlah dihargai. Sila e-mel maklum balas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m\_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

## **MAKLUMAT LANJUT**

86. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (a) Laman Web CBP : [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Pusat Panggilan Kastam :
  - Tel : 03- 7806 7200/ 1-300-888-500
  - Faks : 03- 7806 7599
  - E-mel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)